

Kuantan

“Saya curiga mendengar bunyi seolah-olah besi bergesel dengan tong gas beberapa kali dari rumah jiran sejak awal pagi semalam, namun tidak mendahankan sebab menyangka anak jiran sedang bermain apalagi apabila mendengar ibu mereka memasak di dapur.

“Bagaimanapun, selepas itu terdengar bunyi rantai besi direntap membuatkan saya tidak sedap hati. Saya meninjau ke rumah itu dan terkejut melihat leher anak jiran diikat dengan rantai besi dan ditambat pada tong gas serta dipasang mangga,” kata wanita yang mahu dikenali sebagai Salmah, 58.

Salmah adalah jiran kepada kanak-kanak berusia 10 tahun yang ditemui dalam keadaan bogel dengan lehernya diikat menggunakan rantai besi pada tong gas seberat 25 kilogram.

Dalam kejadian kira-kira jam 10 pagi kelmarin di Indera Mahkota 1, di sini, murid tahun empat yang juga anak ketiga daripada lima beradik itu dipercayai diikat bapa tiri kerana enggan ke sekolah.

Salmah berkata, sudah menjadi kebiasaan dia mendengar lelaki berusia 32 tahun itu menengking dan memarahi anak tiri selain mendengar rayuan kanak-kanak itu supaya tidak dipukul.

Katanya, dia tidak pernah ambil tahu kerana menganggapnya masalah keluarga dan tidak mahu masuk campur. Namun tengah malam kelmarin anaknya memaklumkan mendengar bunyi rantai besi bergesel dengan tong gas dari rumah jirannya itu.

Jiran terkejut temui budak 10 tahun ditambat pada tong gas seberat 25kg tanpa pakaian

“Selepas Subuh semalam saya juga mendengar bunyi itu dan pada awalnya tidak mendahankan, tetapi apabila masih mendengarnya selepas hari siang, saya tinjau dan terkejut melihat anak jiran duduk dalam keadaan mendongak dengan lehernya dililit rantai besi yang dikunci pada tong gas.

“Paling menyedihkan apabila kanak-kanak itu mengangkat tong gas berkenaan sambil menyeret rantai besi ke pintu rumah mungkin untuk mencari anak kunci bagi membuka mangga itu,” katanya.

Dia yang bimbang dengan keadaan mangsa memaklumkan kejadian itu kepada jirannya yang lain sebelum menghubungi polis.

Salmah berkata, ketika jiran menghubungi polis, kanak-kanak itu sudah terbaring di bahagian belakang rumah yang diubah suai menjadi dapur dalam keadaan tidak sedarkan diri.

“Tergamak sungguh mereka membiarkan kanak-kanak berkenaan dirantai sebegitu sedangkan kurang satu jam sebelum itu saya mendengar bunyi

“Tergamak sungguh mereka membiarkan kanak-kanak berkenaan dirantai sebegitu sedangkan kurang satu jam sebelum itu saya mendengar bunyi ibunya memasak di dapur.”

Salmah

ibunya memasak di dapur. “Menggeletar tangan saya melihat keadaannya. Jika hati saya tidak tergerak meninjau ke rumah sebelah tidak tahu apa yang akan berlaku kepadanya,” katanya.

Difahamkan, ketika polis menyerbu rumah berkenaan, hanya mangsa dan adik perempuannya yang berusia dua tahun berada di rumah manakala ibu serta bapa tirinya tiada.

Sementara itu, seorang lagi lagi jiran Siti Rokiah Rahman, 62, berkata, mangsa dan keluarganya baru berpindah ke rumah berkenaan dua bulan lalu.

Katanya, ibu bapa kanak-kanak terbabit kurang bergaul dengan jiran namun sering mendengar mereka memarahi anak-anak.

“Saya kenal murid tahun empat ini kerana dia sering bermain di belakang rumah saya. Dia peramah dan selalu menegur saya. Tidak pernah dia mengadu apa-apa walaupun saya tahu dia kerap dipukul bapa tirinya.

“Ketika mengetahui keadaannya itu, hati saya sedih kerana tidak sangka dia diperlakukan begitu,” katanya.

KEADAAN mangsa ketika diselamatkan anggota polis.



DIRANTAI


BAPA

TIRI

UNIT RUJUKAN DA
DITE
07 00
U.R
M.B.

HARIAN METRO

JIRAN melihat tempat
penderaan mangsa.



Abang mangsa dakwa ditumbuk

Kuantan: Lelaki yang mengikat anak tiri berusia 10 tahun menggunakan rantai besi pada tong gas dikatakan sering memukul tiga anak tirinya walaupun hanya kerana kesalahan kecil.

Perkara itu diakui abang mangsa berusia 16 tahun yang memaklumkan bapa tirinya mudah naik angin dan akan memukul mereka apabila ada perkara yang tidak kena.

Keadaan itu turut membuatkan dia mengambil keputusan keluar dari rumah keluarga di Indera Mahkota 1, di sini, dan menumpang di rumah rakan di Kampung Tiram, dekat sini, sejak Julai lalu.

Katanya, ibu berkahwin dengan lelaki terbabit yang juga anggota tentera di Kem Batu 10, di sini, sejak dia berusia lapan tahun.

“Saya sering dipukul dan dimarahi ayah, pernah kepala saya cedera ditumbuknya.

“Namun, saya tidak menyangka ayah bertindak sebegini sehingga menyebabkan adik dimasukkan ke hospital,” katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini, semalam.

Mangsa yang juga anak ketiga daripada lima beradik itu kini menerima rawatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan keadaannya dilaporkan stabil.

Katanya, dia mengetahui mengenai kejadian itu selepas dimaklumkan rakan dan apabila pulang mendapati rumah terkunci, manakala adiknya yang lain berada di rumah saudara.



Saya tidak menyangka ayah bertindak sebegini sehingga menyebabkan adik dimasukkan ke hospital”

Abang mangsa

Sementara itu, Ketua Polis Pahang Datuk Rosli Ab Rahman berkata, polis sudah menahan ibu dan bapa tiri mangsa petang kelmarin.

Katanya, suspek berusia 32 tahun dan isteri berusia 37 tahun ditahan dan direman seminggu.

“Mangsa dipercayai berada dalam keadaan itu selama dua jam dan ditinggalkan di rumah bersama dengan adik bongsu berusia dua tahun yang ketika itu berada di bahagian atas rumah.

“Ibu mangsa dipercayai keluar berniaga, manakala dua lagi adik-beradik mangsa berusia enam dan 13 tahun berada di sekolah,” katanya ketika ditemui dalam Program Gaya Hidup Sihat di Kem Bukit Galing, di sini, semalam.

Rosli berkata, mangsa anak kandung wanita itu hasil perkahwinan terdahulu.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a), Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 iaitu mendera, mengabaikan dan menganiaya kanak-kanak yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

